



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

KENYATAAN MEDIA

HANYA 200 DARIPADA 750 PENGAMBILAN BAHARU PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK (PTD) 2018 TERDIRI DARIPADA PELAJAR CEMERLANG TAJAAN JPA

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Malaysia ingin menjelaskan bahawa pengambilan untuk memasuki Perkhidmatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) bagi tahun 2018 dianggarkan seramai lebih kurang 750 orang, yang mana hanya 200 orang sahaja daripada jumlah tersebut akan dipilih dari kalangan pelajar cemerlang tajaan JPA yang mendapat Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama.

Manakala bakinya masih terbuka kepada pelajar-pelajar lain serta pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan lain. Keutamaan ini diberikan atas usaha cemerlang yang ditunjukkan oleh pelajar-pelajar tajaan JPA dalam bidang akademik dan kokurikulum seterusnya dapat memberikan sumbangan yang cemerlang juga kepada Negara khususnya dalam sektor Pkhidmatan Awam di masa hadapan.

Diharapkan penjelasan ini dapat memperbetulkan kekeliruan sesetengah pihak berkaitan isu pengambilan pegawai baharu PTD bagi tahun 2018 seperti yang disiarkan oleh beberapa portal media atas talian baru-baru ini.

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

Tarikh : 21 Februari 2018
Tel : 03 - 8885 3088 / 3830
Emel : komunikasi@jpa.gov.my
No. Ruj. : JPA.100-9/1/2(5)